



## **SYARAT-SYARAT BURUNG WALET DI KAWASAN PREMIS PERNIAGAAN DAN KAWASAN SAWAH**

1. Permohonan ini adalah untuk pengusaha-pengusaha burung walit yang telah beroperasi sebelum **31 Disember 2013** sahaja layak memohon.
  2. Lokasi yang terlibat dalam permohonan ini adalah seperti berikut:-
    - a) Kawasan sawah padi; dan
    - b) Kawasan komersial.
  3. Lokasi yang tidak dibenarkan :-
    - a) Kawasan perumahan;
    - b) Rumah kedai;
    - c) Mana-mana premis yang pernah mendapat aduan; dan
    - d) Kawasan yang termasuk di dalam **zon 10km radius** daripada perimeter landasan penerbangan.
  4. Tempoh pemberian lesen:-
    - a) Kawasan komersial – Tiga (3) tahun bermula **1 Jan 2014 sehingga 31 Dis 2016**; dan
    - b) Kawasan sawah padi – Tujuh (7) tahun bermula **1 Jan 2014 sehingga 31 Dis 2020**.
- \*\*Pembaharuan lesen secara tahunan. Manakala bagi kawasan sawah padi pembaharuan boleh dibuat setiap 3 tahun.
- c) Mana-mana premis yang telah berpindah ke kawasan pertanian (selain sawah padi) sehingga tamat tempoh tersebut, pengusaha akan mendapat insentif berupa pengecualian cukai taksiran, cukai tanah dan lesen perniagaan untuk tempoh selama **5 tahun** bermula daripada tarikh keluar premis asal.

5. Syarat-syarat am:-

- a) Permohonan yang telah berdaftar dengan PBT untuk kelulusan lesen adalah tamat pada 31 Disember 2013. Sebarang permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.
- b) Permohonan hendaklah mengikut borang dan prosedur yang ditetapkan oleh PBT;
- c) Syarat untuk mendapat ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan bagi tujuan proses kelulusan lesen adalah **dikecualikan**.
- d) Lesen akan tamat pada **31 Disember tahun semasa**.

6. Kadar bayaran:-

- a) Bayaran proses – RM50.00
- b) Fee lesen – Berdasarkan Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit Dan Perusahaan Sarang Burung Walit (PBT) 2013

**PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran  
Majlis Daerah Kuala Langat